



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**PRODUKTIVITI BURUH, SUKU TAHUN KEEMPAT 2025**

**Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 4.9 peratus kepada RM46.3 setiap jam pada suku tahun keempat 2025**

**PUTRAJAYA, 23 FEBRUARI 2026** – Produktiviti buruh per jam bekerja bertumbuh 4.9 peratus kepada RM46.3 setiap jam pada suku tahun keempat 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Produktiviti Buruh, Malaysia, Suku Tahun Keempat 2025** pada hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Ekonomi Malaysia berkembang 6.3 peratus pada suku tahun keempat 2025, berbanding 5.4 peratus pada suku sebelumnya. Dalam tempoh yang sama, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 1.4 peratus kepada 9.9 bilion jam (ST3 2025: 1.3%; 9.8 bilion jam).”

Mengulas lanjut, beliau menyatakan, “Jumlah pekerja meningkat kepada 17.1 juta orang pada suku tahun keempat 2025, mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.8 peratus (ST3 2025: 17.0 juta orang; 1.5%). Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja meningkat 4.4 peratus untuk merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM26,765 seorang (ST3 2025: 3.9%; RM26,122 seorang).”

Beliau menambah, “**Prestasi sektoral** bagi produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per jam bekerja** pada suku ini didorong oleh pertumbuhan dalam semua sektor, diterajui oleh **Pembinaan** 10.3 peratus (ST3 2025: 10.2%), diikuti oleh **Pembuatan** 6.4 peratus (ST3 2025: 4.2%), **Pertanian** 5.5 peratus (ST3 2025: 1.0%), **Perlombongan dan pengkuarian** 5.1 peratus (ST3 2025: 9.7%) dan **Perkhidmatan** 4.0 peratus (ST3 2025: 3.4%).”

Pertumbuhan produktiviti buruh per jam bekerja dalam **sektor Perkhidmatan** pada suku tahun keempat 2025 adalah disebabkan oleh peningkatan dalam semua subsektor, kecuali Utiliti (-1.0%) dan Kewangan dan insurans (-0.8%). Makanan & minuman dan penginapan memacu prestasi keseluruhan dengan mencatatkan pertumbuhan 7.9 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan lain (7.2%), Maklumat dan

komunikasi (6.4%), Pengangkutan dan penyimpanan (5.6%), Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (2.8%) dan Perdagangan borong dan runcit (2.4%).

Sementara itu, pada suku ini, **sektor Pembuatan** menunjukkan pertumbuhan dalam produktiviti buruh per jam bekerja bagi semua subsektornya, kecuali Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan (-2.7%). Peningkatan kukuh dicatatkan oleh Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (15.8%), Produk elektrik, elektronik dan optikal (11.4%), Minuman dan produk tembakau (10.6%), Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (4.1%), Produk tekstil, pakaian dan kulit (2.3%), Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (2.0%) dan Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (1.5%).

Dari segi produktiviti buruh yang diukur sebagai **nilai ditambah per pekerja**, setiap sektor menunjukkan kadar pertumbuhan yang berbeza pada suku ini. Sektor **Pembinaan** memacu prestasi keseluruhan dengan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 10.1 peratus (ST3 2025: 10.8%), diikuti oleh **Pertanian** 5.4 peratus (ST3 2025: 0.2%), **Pembuatan** 5.1 peratus (ST3 2025: 3.5%), **Perkhidmatan** 3.7 peratus (ST3 2025: 3.3%) dan **Perlombongan dan pengkuarian** 1.3 peratus (ST3 2025: 8.9%).

Pertumbuhan dalam produktiviti buruh per pekerja dalam sektor **Perkhidmatan** pada ST4 2025 adalah disebabkan oleh kenaikan di kebanyakan subsektornya, terutamanya Maklumat dan komunikasi (7.3%), Perkhidmatan lain (5.9%), Pengangkutan dan penyimpanan (5.7%), Makanan & minuman dan penginapan (5.1%), Hartanah dan perkhidmatan perniagaan (4.9%), Perdagangan borong dan runcit (3.2%) dan Utiliti (1.5%). Sebaliknya, Kewangan dan insurans mencatatkan penurunan sebanyak 0.7 peratus.

Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja bagi sektor **Pembuatan** berkembang pada suku ini, didorong oleh peningkatan ketara dalam Produk elektrik, elektronik dan optikal (10.7%), Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan (9.8%), Minuman dan produk tembakau (5.8%), Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (4.4%), Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan (2.2%), Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (0.5%) dan Produk tekstil, pakaian dan kulit (0.3%). Sebaliknya, Peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan mencatatkan pengurangan sebanyak 1.7 peratus.

Mengulas lanjut mengenai prestasi keseluruhan produktiviti buruh bagi tahun 2025, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Prestasi produktiviti buruh per jam bekerja pada tahun 2025 menunjukkan momentum positif pada 3.7 peratus (2024: 2.1%), mencatatkan nilai ditambah per jam bekerja sebanyak RM44.5 setiap jam (2024: RM42.9 setiap jam). Begitu juga, produktiviti buruh per pekerja meningkat 3.4 peratus (2024: 2.4%) dengan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM102,672 seorang (2024: RM99,265 seorang). Secara keseluruhannya, semua sektor mencatatkan momentum positif yang stabil sepanjang tahun.

Mengakhiri kenyataan beliau, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Produktiviti buruh Malaysia berada pada kedudukan yang baik ke arah prospek positif pada 2026, disokong oleh pasaran buruh yang stabil dan prestasi ekonomi yang mampan sepanjang tahun. Pertumbuhan ketara dalam produktiviti buruh negara menunjukkan bahawa kita sedang berada pada landasan yang betul, menggunakan tenaga kerja dengan lebih cekap. Pelaburan berterusan dalam pembangunan kemahiran, penggunaan digital dan kemajuan teknologi adalah penting. Pengukuhan produktiviti adalah penting bagi meningkatkan daya saing, menyokong pertumbuhan gaji yang mampan dan memastikan daya tahan ekonomi jangka panjang.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

**Malaysia** buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


**OpenDOSM NextGen** adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**MyLabourHub** ialah platform komprehensif yang mengintegrasikan institusi, data dan teknologi bagi menyediakan maklumat pasaran buruh yang relevan, tepat dan mudah diakses. Dapatkan data pasaran buruh Malaysia melalui MyLabourHub di <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**23 FEBRUARI 2026**


**Carta 1: Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja, ST1 2022 – ST4 2025**




**Carta 2: Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja, ST1 2022 – ST4 2025**



**Carta 3: Produktiviti buruh, nilai ditambah per jam bekerja, 2020 – 2025**



**Carta 4: Produktiviti buruh, nilai ditambah per pekerja, 2020 – 2025**





MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**

**LABOUR PRODUCTIVITY, FOURTH QUARTER OF 2025**

**Labour productivity per hour worked grew 4.9 per cent to RM46.3 per hour in the fourth quarter of 2025**

**PUTRAJAYA, 23<sup>RD</sup> FEBRUARY 2026** – Labour productivity per hour worked grew 4.9 per cent to RM46.3 per hour in the fourth quarter of 2025, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today in its release of **Labour Productivity Statistics, Malaysia, Fourth Quarter 2025**.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Malaysia's economy expanded 6.3 per cent in the fourth quarter of 2025, as compared to 5.4 per cent in the preceding quarter. During the same period, total hours worked increased by 1.4 per cent to 9.9 billion hours (Q3 2025: 1.3%; 9.8 billion hours)."

Commenting further, he stated, "Total employment rose to 17.1 million persons in the fourth quarter of 2025, registering a year-on-year growth of 1.8 per cent (Q3 2025: 17.0 million persons; 1.5%). Meanwhile, labour productivity per employment increased 4.4 per cent to record value added per employment at RM26,765 per person (Q3 2025: 3.9%; RM26,122 per person)."

He added, "The **sectoral performance** for labour productivity measured as **value added per hour worked** for this quarter was supported by growth across all sectors, underpinned by **Construction** 10.3 per cent (Q3 2025: 10.2%), followed by **Manufacturing** 6.4 per cent (Q3 2025: 4.2%), **Agriculture** 5.5 per cent (Q3 2025: 1.0%), **Mining and quarrying** 5.1 per cent (Q3 2025: 9.7%) and **Services** 4.0 per cent (Q3 2025: 3.4%)."

The growth in labour productivity per hour worked in the **Services sector** in this quarter was attributed to the expansion across all subsectors, except for Utilities (-1.0%) and Finance and insurance (-0.8%). Food & beverages and accommodation drove the overall performance by posting a growth of 7.9 per cent, followed by Other Services (7.2%), Information and communication (6.4%), Transportation and storage (5.6%), Real estate and business services (2.8%) and Wholesale and retail trade (2.4%).

Meanwhile, during this quarter, the **Manufacturing sector** demonstrated growth in labour productivity per hour worked across all of its subsectors, except for Transport equipment, other manufacturing and repair (-2.7%). Strong expansions were recorded in Vegetable and animal oils & fats and food processing (15.8%), Electrical, electronic and optical products (11.4%), Beverages and tobacco products (10.6%), Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (4.1%), Textiles, wearing apparel and leather products (2.3%), Wood products, furniture, paper products and printing (2.0%) and Petroleum, chemical, rubber and plastic product (1.5%).

In terms of labour productivity measured by **value added per employment**, each sector showed different growth rates during this quarter. The **Construction** sector led the overall performance by posting a substantial rise of 10.1 per cent (Q3 2025: 10.8%), followed by **Agriculture** 5.4 per cent (Q3 2025: 0.2%), **Manufacturing** 5.1 per cent (Q3 2025: 3.5%), **Services** 3.7 per cent (Q3 2025: 3.3%) and **Mining and quarrying** 1.3 per cent (Q3 2025: 8.9%).

The expansion in labour productivity per employment in the **Services** sector in Q4 2025 was due to increment across most of its subsectors, notably Information and communication (7.3%), Other services (5.9%), Transportation and storage (5.7%), Food & beverages and accommodation (5.1%), Real estate and business services (4.9%), Wholesale and retail trade (3.2%) and Utilities (1.5%). Conversely, Finance and insurance recorded a decline of 0.7 per cent.

In the meantime, labour productivity per employment in the **Manufacturing** sector expanded during this quarter, supported by remarkable surge in Electrical, electronic and optical products (10.7%), Vegetable and animal oils & fats and food processing (9.8%), Beverages and tobacco products (5.8%), Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products (4.4%), Wood products, furniture, paper products and printing (2.2%), Petroleum, chemical, rubber and plastic products (0.5%) and Textiles, wearing apparel and leather products (0.3%). By contrast, Transport equipment, other manufacturing and repair recorded a reduction of 1.7 per cent.

Commenting further on the overall performance of labour productivity for the full year 2025, the Chief Statistician Malaysia said, "The performance of labour productivity per hour worked for the year 2025 demonstrated a positive momentum at 3.7 per cent (2024: 2.1%), recording value added per hour worked of RM44.5 per hour (2024: RM42.9 per hour). Likewise, labour productivity per employment accelerated 3.4 per cent (2024: 2.4%) with value added per employment at RM102,672 per person (2024: RM99,265 per person). Overall, all sectors recorded stable positive momentum throughout the year.

Concluding his statement, Chief Statistician Malaysia said, " Malaysia's labour productivity is well positioned towards a positive outlook in 2026, supported by stable labour market and sustainable economic performance throughout the year. The substantial growth in national labour productivity indicates that we are moving in the right direction, using labor more efficiently. Continued investment in skills

development, digital adoption and technological advancement will be crucial. Strengthening productivity is essential to enhance competitiveness, support sustainable wage growth and ensure long term economic resilience.“

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5<sup>th</sup> January to 31<sup>st</sup> October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

**Malaysia** has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.


**OpenDOSM NextGen** is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

**MyLabourHub** is a comprehensive platform that integrates institutions, data and technology to deliver relevant, accurate and accessible labour market information. Access the labour market data for Malaysia at <https://mylabourhub.dosm.gov.my>.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
23 FEBRUARY 2026**


**Chart 1: Labour productivity, value added per hour worked, Q1 2022 – Q4 2025**



**Chart 2: Labour productivity, value added per employment, Q1 2022 – Q4 2025**



**Chart 3: Labour productivity, value added per hour worked, 2020 – 2025**



**Chart 4: Labour productivity, value added per employment, 2020 – 2025**

